



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENGANUGERAHAN BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA) TAHUN 2021

Kuala Lumpur - KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan berangkat ke Majlis Penganugerahan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Tahun 2021 di Istana Negara, hari ini.

Pada majlis ini, Al-Sultan Abdullah berkenan mengurniakan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong kepada sepuluh (10) penerima iaitu empat (4) orang di peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dan enam (6) orang di peringkat Sarjana (Masters).

Biasiswa Yang di-Pertuan Agong atau BYDPA mula diperkenalkan pada tahun 2006 dan sehingga kini, seramai 175 warganegara Malaysia telah diberi penajaan untuk pengajian di universiti penyelidikan dalam negara serta universiti terkemuka dunia bagi bidang Sains & Teknologi, Ekonomi, Undang-Undang dan Kewangan Islam.

Bergerak ke hadapan selaras dengan keperluan semasa, beberapa inisiatif telah dibangunkan bagi menambah nilai penajaan BYDPA, antaranya penubuhan Alumni BYDPA yang bertindak sebagai platform perkongsian kepakaran dan ilmu dan ditadbir sepenuhnya dalam kalangan penerima BYDPA. Inisiatif ini dilihat dapat menjadi titik tolak pada para penerima BYDPA untuk menyumbang kembali kepada masyarakat dan negara.

Dalam pada itu, jawatankuasa BYDPA juga telah bersetuju untuk menjadikan Alumni BYDPA sebagai salah seorang ahli panel temu duga bagi pemilihan calon penerima BYDPA tahun 2022 dan seterusnya.

Tahniah kepada semua penerima BYDPA Tahun 2021 dan diharapkan dapat menamatkan pengajian dengan cemerlang dan membanggakan negara.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 9 Mac 2022

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (21)

**SENARAI PENERIMA
BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG TAHUN 2021**

(i) Ph.D

BIL	NAMA	PENGGHUSUSAN	UNIVERSITI
1.	Nurul Farhana Binti Abd Ghaffar	<i>Waste Management</i>	NTU Singapura
2.	Mogesh A/L Sababathy	<i>Clinical and Health Sciences (Stem Cells)</i>	UPM
3.	Loke Yean Leng	<i>Nanotechnology</i>	UM
4.	Nurul Elia Aqila Binti Ab Rahim	<i>Bioengineering</i>	UTM

(ii) Sarjana

BIL	NAMA	PENGGHUSUSAN	UNIVERSITI
1.	Nur Amirah Syafiqah Binti Salman	<i>Agro Science</i>	UPM
2.	Ng Wan Chiew	<i>Otorinolaringology</i>	UKM
3.	Too Lih Yuan	<i>Tissue Engineering</i>	UKM
4.	Muhamad Huzaifah Bin Omar	<i>Electroanalytical Method</i>	USM
5.	Nur Aina Izzati Binti Mohd Mokhtar	<i>Analytical Chemistry</i>	UPM
6.	Elancheleyen Al Mahindran	<i>Tissue Engineering</i>	UKM